

PEMBUANGAN BAYI PENYEBAB WUJUDNYA ANAK PUNGUT: HUKUM DAN PENYELESAIANNYA

Berhanundin Bin Abdullah¹



ABSTRACT

Baby dumping is one of the social problems which are being discussed openly among the Muslim community in Malaysia. It became a big issue when the act of baby dumping has become more frequent at the beginning of 2010 until 2012. Baby dumping occurs because of pressures of life among those who are weak in their faith. Abandonment is causing the child to be referred to as adoptee (anak pungut) when found alive. An appropriate term of adoptee is being used to abandoned baby as seen from the point of responsibility. Unlike to foster child (anak angkat), the way of surrender and acceptance is between the two sides of parents and new guardians. This article discuss the law perspectives towards the abandoned baby, adoptee and how they should be take care of. Some suggestions presented solution to curb as well as to overcome the problem of abandoning baby as an immediate action for the child custody or upbringing of the child.

Keywords: Baby dumping, adoptee, Islamic Syariah, Malaysia

¹ Jabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

ABSTRAK

Pembuangan bayi adalah salah satu gejala sosial yang sedang dibicarakan secara terbuka di kalangan masyarakat muslim di Malaysia. Ia mula menjadi isu besar apabila perlakuan buang bayi makin menjadi-jadi pada awal tahun 2010 sehingga tahun 2012. Pembuangan bayi ini berlaku disebabkan tekanan hidup daripada kalangan mereka yang lemah pegangan agama. Pembuangan bayi ini menyebabkan anak tersebut disebut sebagai anak pungut apabila dijumpai masih hidup. Istilah anak pungut lebih wajar digunakan kepada anak yang dijumpai kerana melihat dari sudut tanggungjawab. Berbeza dengan anak angkat kerana cara penyerahan dan penerimaan adalah antara kasih sayang kedua belah pihak ibubapa dan penjaga. Artikel ini membincangkan dari sudut hukum terhadap anak pungut tersebut dan bagaimana penjagaannya. Beberapa cadangan penyelesaian dikemukakan bagi membendung dan mengatasi segera perbuatan membuang bayi dan cadangan penyelesaian terhadap jagaan atau asuhan terhadap anak pungut tersebut.

Kata kunci: Buang bayi, anak pungut, syariat Islam, Malaysia

PENGENALAN

Isu pembuangan bayi kerap dipaparkan di akhbar dan dibahasakan di seminar-seminar sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Dalam suasana negara mencapai negara industri dan teknologi serta kurang kawalan agama mengakibatkan tahap gejala sosial makin meningkat. Gejala sosial yang sangat memalukan negara ialah isu pembuangan bayi yang baru dilahirkan dengan tujuan tertentu bagi menutup aib, malu atau tekanan hidup. Keadaan ini menggambarkan pembangunan sosial tidak seimbang atau selari dengan pembangunan teknologi-industri. Anak-anak ini selalu dijumpai di bawah pokok, di tepi surau atau masjid, di dalam longkang, tandas, tong sampah, bag plastik hitam, tempat pembuangan sampah dan di tempat yang tidak

dijangkakan pembuangan bayi berlaku. Sebahagian yang dijumpai masih hidup maka anak ini perlu diselamatkan sebagai anak pungut dan bukannya dibiarkan atau dianggap anak tak sah taraf atau sebarang bentuk kehinaan terhadap dirinya yang memerlukan belaian kasih sayang.

Islam tidak mudah membuat pertuduhan terhadap anak yang dibuang tersebut sebagai anak tak sah taraf atau anak luar nikah. Sebab itu penggunaan istilah anak pungut lebih menyelamatkan suasana. Islam dengan konsep selamatnya adalah bermatlamat menyelamatkan anak dari binasa atau mendapat didikan dari orang bukan Islam.

Hukum Islam terhadap pelaku sama ada ibu, bapa, nenek atau mana-mana orang telah ditetapkan sebagai haram perbuatan tersebut dan pihak berkuasa menentukan hukumannya. Adapun hukum berkaitan tanggungjawab masyarakat dan penjagaan terhadap anak pungut ini kurang disentuh dalam membicarakan anak yang dijumpai atau dibuang tersebut. Adalah wajar artikel ini membicarakan maksud tersebut agar dihayati oleh masyarakat khususnya masyarakat muslim di negara ini.

DEFINISI ISTILAH BUANG BAYI DAN ANAK PUNGUT

Buang bayi merupakan satu istilah baharu yang disebut sebagai satu perbuatan jahat yang termasuk dalam erti kata gejala sosial. Buang bayi memberi maksud sangat luas dan kurang dibincangkan secara khusus kepada kes seperti yang berlaku sekarang yang lebih merujuk kepada buang bayi setelah kelahiran sahaja. Definisi umum diberikan kepada istilah buang bayi ialah perbuatan meninggalkan bayi yang baru lahir sama ada yang masih hidup atau mati di sesuatu tempat dengan sengaja; atau berusaha menggugurkan kandungan dengan apa cara sekalipun. Perbuatan ini dilakukan biasanya terhadap anak luar nikah (Jawatankuasa Pembangunan Sosial Terengganu 2002:4).

Berdasarkan peristiwa yang berlaku pada hari ini, istilah buang bayi diertikan sebagai satu perbuatan tidak waras meninggal, mencampak, membiar, membuang dan menempatkan bayi yang baru lahir sama ada yang masih hidup atau mati di sesuatu tempat dengan sengaja bertujuan mengelak dari bertanggungjawab ke atas bayi, disebabkan sama ada

perbuatan zina, rogol atau seks yang berlaku secara rela atau tidak. Tindakan menggugurkan kandungan yang berlaku sebelum kelahiran tidak menjadi fokus dalam maksud perbahasan isu ini.

Dalam syariat Islam, buang bayi dibicarakan dalam hal berkaitan “al-Laquit” iaitu anak pungut yang ketiadaan tanggungjawab keluarga ke atasnya (al-Zuhaily 1997: 7907). Anak pungut diertikan sebagai anak-anak yang dijumpai di jalanan (atau di mana-mana tempat) yang tidak diketahui siapa penjaganya, maka hendaklah diambil, dijaga dan dididik serta wajib membuat penyaksian di atas tindakan memungut tersebut (al-Khind, al-Bugha dan al-Sarbaji, 1998: 206). Islam lebih memberi penekanan kepada mereka yang bertanggungjawab menjumpai dan mengambilnya supaya anak yang masih hidup itu dapat diselamatkan.

Pembuangan bayi banyak berlaku dalam kalangan mereka yang melakukan perbuatan zina suka sama suka antara lelaki dan perempuan tanpa perkahwinan yang sah. Tindakan ini dilakukan sama ada melibatkan diri si ibu berkenaan, lelaki yang pernah bersama, kawan rapat atau keluarga si ibu kepada bayi tersebut untuk menutup perasaan malu pada masyarakat. Ada kemungkinan lain mereka tidak mahu memelihara anak yang dilahirkan diluar nikah kerana takut akan mendatangkan bahaya dan kecelakaan dalam keluarga nanti (Berhanundin 2010:141).

GEJALA BUANG BAYI

Gejala pembuangan bayi semakin parah dan bertambah dari tahun ke tahun. Berdasarkan maklumat yang direkodkan dalam laporan Sidang Dewan Negara, yang dibentangkan pada 29 April 2010 oleh Dato’ Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bahawa statistik daripada Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes pembuangan bayi seramai 407 dari tahun 2005 hingga 2009 (Dewan Negara, 2010: 3).

Jadual 1: Statistik daripada Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2005 hingga 2009

Negeri	Jumlah Kes
Perlis	1
Kedah	17
Pulau Pinang	22
Perak	19
Selangor	105
Kuala Lumpur	2
Negeri Sembilan	24
Melaka	3
Johor	83
Pahang	17
Terengganu	5
Kelantan	10
Sabah	65
Sarawak	34
Jumlah	407

Keadaannya semakin bertambah buruk jika tidak ada langkah drastik diambil oleh pihak berkuasa dan masyarakat untuk membendungnya. Masalah sosial juga perlu ditangani segera beserta segala perihalan yang menyumbang kepada perzinaan, mengandungi sehingga berlakunya pembuangan bayi.

Kadar kes buang bayi meningkat dari 79 kes [tahun 2009] kepada 91 kes [tahun 2010] iaitu 15% dan 98 kes [tahun 2011] iaitu 24%. Satu data yang amat membimbangkan masyarakat Malaysia. Pada tahun 2012 sahaja [sehingga jun] statistik pembuangan bayi adalah sebanyak 31 kes, kenyataan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Harjeet Singh. Menurut beliau, peningkatan bilangan itu disebabkan oleh kekerapan laporan yang dibuat dan masyarakat menjadi lebih prihatin. (<http://www.forblogger.net/2012/07/kadar-kes-buang-bayi-semakinmeningkat.html>).

Jadual 2: Statistik pembuangan bayi mengikut tahun (2004 – 2010)

Tahun	Lelaki	Perempuan	*Tidak diketahui	Jumlah
2004	22	30	26	78
2005	23	20	24	67
2006	37	27	19	83
2007	25	18	22	76
2008	37	25	40	102
2009	15	12	52	79
2010	34	25	11	70
(Jan – Ogos)				
Jumlah				555
Sumber PDRM				
* Tidak diketahui kerana reput				

Berdasarkan data yang dikumpulkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan PDRM dari tahun 2004 hingga 2009, sebanyak 20.4% sasaran utama pembuangan bayi dilakukan di kawasan rumah membabitkan 99 bayi, diikuti tempat pembuangan sampah seramai 77 bayi (15.8%) dan bakinya di tempat seperti semak, masjid, sungai, tepi jalan dan hospital. Pihak JKJ dan PDRM tidak dapat mengeluarkan angka yang tepat mengenai bilangan yang mati dan hidup kerana masih terdapat aduan dan laporan berkaitan kes tersebut yang belum direkodkan.

PUNCA GEJALA BUANG BAYI

Gejala buang bayi mendapat perhatian seluruh anggota masyarakat. Masyarakat bukan sahaja perlu mengetahui isu ini tetapi hendaklah berusaha mencari dan mengenalpasti punca berlakunya pembuangan bayi tersebut. Sehingga kini, mengikut kajian daripada kes-kes pembuangan bayi yang dijalankan oleh pihak JKJ mendapati beberapa sebab berlakunya pembuangan bayi. Antaranya ialah (Dewan Negara 2010:4):

- i. Perasaan takut dan malu yang dialami oleh wanita yang hamil luar nikah kerana tidak mendapat sokongan keluarga mengenai kehamilan mereka
- ii. Perasaan takut dihukum kerana kesalahan kehamilan luar nikah sekiranya masyarakat umum mengetahuinya

- iii. Bayi yang dilahirkan dengan kecacatan menjadi beban kepada keluarga dan tidak diterima sepenuhnya
- iv. Kurang pendidikan agama menyebabkan wanita hamil luar nikah mengambil jalan mudah tanpa memikirkan akibat dan risikonya
- v. Tiada pengetahuan mengenai khidmat bantuan sokongan yang disediakan bagi kanak-kanak dan wanita hamil luar nikah seperti khidmat kaunseling, perkhidmatan perlindungan untuk diri dan anak-anak yang bakal dilahirkan
- vi. Bapa kepada bayi yang dilahirkan tersebut tidak mahu bertanggungjawab dan menghilangkan diri sehingga tidak dapat dikesan
- vii. Wanita pendatang asing tanpa izin yang hamil takut diusir apabila memohon pertolongan dan bantuan tentang kehamilan mereka.

Sebab-sebab tindakan ini diambil sudah semestinya mempunyai punca lain yang menyebabkan wanita itu hamil dan bertindak membuang bayi setelah dilahirkan. Oleh itu perlu dikenalpasti beberapa punca utama yang membawa kepada berlakunya kehamilan dan yang menyebabkan mereka tidak segan silu untuk melakukan amalan yang bertentangan dengan hak kemanusiaan dan syariat Islam. Antaranya ialah:

- i. Kurang pendidikan dan penghayatan agama menyebabkan wanita dan lelaki sanggup melakukan perbuatan zina atau rogol. Tanpa pegangan agama mereka tidak mempunyai rasa tanggungjawab atas keterlanjuran tersebut sehingga membawa kepada pembuangan bayi setelah kelahiran.
- ii. Sikap ibu bapa dan keruntuhan institusi keluarga (Che Noraini Hashim 2002:10). Kurang kawalan keluarga terhadap anak-anak di alam remaja yang keluar rumah dan berhubungan dengan teman berlainan jantina. Lebih-lebih lagi apabila keluarga kurang penghayatan agama atau sibuk dengan kerjaya masing-masing. Keruntuhan institusi keluarga juga menjadi penyumbang kepada anak di alam remaja bertindak di luar kawalan kerana ketiadaan ketenangan dalam keluarga.
- iii. Penguatkuasaan undang-undang adalah terlalu lemah ke atas golongan remaja dan belia yang berdua-duaan tanpa hubungan

yang sah dan pelaksanaan undang-undang yang sedia ada kurang berkesan ke atas pergaulan remaja dan belia (Che Noraini Hashim 2002:18). Hukuman terhadap salahlaku remaja tidak mengerunkan menjadi punca kepada berlakunya pergaulan bebas antara wanita dan lelaki sama ada di tempat awam atau secara bersembunyian di rumah, hotel, pantai dan sebagainya. Di samping itu peruntukan di bawah undang-undang syariah kerana melakukan persetubuhan haram didapati tidak selari dengan tuntutan syariat Islam (Utusan Malaysia, 24 Jun 2008).

- iv. Perkembangan dunia teknologi maklumat, alat telekomunikasi dan media massa yang kurang kawalan sehingga wanita dan lelaki yang tiada pegangan hidup khususnya remaja yang dalam alam mahu mencuba sudah terdedah kepada dunia seks bebas. Gambar-gambar lucah dan mengghairahkan yang diperolehi daripada sumber ini telah merangsang mereka untuk melibatkan diri dalam kancah perzinaan dan akhirnya menanggung risiko dan merahsiakannya.
- v. Sistem pendidikan dan iklim di sekolah (Che Noraini Hashim 2002:14) yang kurang memberi minat kepada pelajar sehingga memungkinkan mereka ponteng kelas dan ponteng sekolah. Keadaan ini telah mempengaruhi rakan sebaya dan membabitkan mereka dalam perkara-perkara yang tidak baik seperti pengambilan pil khayal, menontong video lucah dan sebagainya.
- vi. Faktor perkahwinan yang kian menyusahkan. Terdapat persoalan besar dalam kalangan golongan muda dan mereka yang berkeinginan berkahwin di usia muda antaranya halangan dari kedua ibubapa, kos hantaran terlalu tinggi dan di luar kemampuan, persiapan yang membebankan sehingga mereka mengambil jalan mudah untuk bersama. Pada peringkat awal mereka tidak terasa bersalah tetapi bila dah terlanjur maka terpaksa mengambil jalan sendiri untuk menyelesaikan masalah tanpa diberitahu kepada keluarga (Berhanundin 2010:144).
- vii. Kesan psikologi ke atas wanita atau remaja mengandung setelah ditinggalkan oleh lelaki yang tidak bertanggungjawab. Wanita tersebut bukan saja rasa bersalah kepada diri, keluarga dan masyarakat malah ingin menutup malunya maka dirahsiakan.

Mereka sanggup keluar dari rumah semata-mata menutup keaibannya dengan alasan mencari kerja kilang di kawasan yang berjauhan dengan kampung halaman. Tekanan perasaan benci kepada lelaki dan tekanan keluarga mula dirasai sehingga terbawa-bawa kepada benci pada bayi yang bakal dilahirkan. Tekanan psikologi ini menyebabkan wanita tersebut sanggup membuang bayi tersebut tanpa ada perasaan belas kasihan lagi (Berhanudin 2010:144).

HUKUM BUANG BAYI DAN ANAK PUNGUT

Islam telah menetapkan hukum dan peraturan dalam semua hal berkaitan kemanusiaan. Dalam hal berkaitan pembuangan bayi, Islam menetapkan tujuan pensyariaan (maqasid syariah) bagi menjaga lima perkara utama iaitu agama, jiwa (maruah atau nyawa), harta, akal dan keturunan.

Pembuangan bayi dilihat dari dua maksud iaitu pertamanya pembuangan bayi di tempat selamat dan menunjukkan tujuan bukan bermaksud pembunuhan seperti meletakkannya di tangga rumah, surau, laman masjid dan sebagainya yang menjadi tempat awam dan di kawasan penglihatan orang. Keduanya yang bertujuan membunuh atau mempunyai maksud membunuh seperti dibuang dalam lubang tandas, di tempat serangga berbisa, dalam hutan atau semak, dalam plastik, dalam sungai atau longkang atau di mana-mana tempat yang jauh dari penglihatan orang. Persoalan ini dibicarakan dalam bab anak zina berkaitan anak pungut (al-Zuhaily 1997:7907).

Kedua-dua maksud tersebut dalam ertikata membuang bayi hukumnya adalah haram kerana ia adalah jasad yang hidup dan memerlukan kelangsungan kehidupan. Tidak pernah berlaku dan mustahil berlaku pembuangan bayi yang telah mati dalam kandungan atau mati setelah dilahirkan kerana sifat kemanusiaan yang ada menyebabkan seseorang atau keluarga berkenaan akan mengebumikannya.

Perbuatan membuang bayi yang membawa kematian termasuk dalam kaedah membunuh dengan cara meninggal, menghalang daripada makan dan minum yang dimasukkan di bawah hukum membunuh dengan sengaja. Hukumnya adalah wajib qisas (al-Zuhaily

1997:5655). Hukum membunuh anak (al-Jaziry 2001:182) atau niat membunuh atau perbuatan menyerupai pembunuhan dengan sengaja adalah haram dan termasuk dalam hukum qisas.

Apabila anak yang dibuang itu dijumpai maka hukumnya fardu kifayah dan wajib diselamatkan sama ada ia masih hidup atau sudah mati. Menyelamatkan yang hidup hukumnya fardu kifayah kerana tanggungjawab agama memberi peluang untuk jasad tersebut meneruskan hayatnya. Adapun bagi yang telah mati juga hukumnya fardu kifayah kerana tanggungjawab seseorang muslim terhadap seorang yang lain dan menyelamatkannya dari sebarang ancaman binatang serta menyelesaikan pengkebumiannya. Pembunuhan terhadap bayi tersebut akan merosakkan agama, jiwa dan keturunan. Oleh sebab itu Islam mengharamkan buang bayi kerana risiko kematian adalah tinggi disebabkan anak kecil tidak dapat berbuat apa-apa kecuali sekadar menangis kerana kesakitan dan kesepian atau berdiam diri akibat kesejukan. Jelasnya tidak ada sebarang alasan membolehkan atau mengharuskan perbuatan membuang bayi meskipun akibat kemarahan atau tekanan perasaan bersalah di atas keterlanjuran perbuatan zina atau dirogol. Hukuman adalah kepada pelaku dan bukannya kepada bayi yang dilahirkan.

HUKUMAN PELAKU MEMBUANG BAYI

Kepada pelaku yang membuang bayi atau ibu atau keluarganya akan dikenakan hukum setimpal dengan apa yang dilakukan. Jika pelaku tersebut telah sabit hukuman membuang bayi dengan maksud tidak membunuh seperti keterangan sebelum ini, maka pelaku tersebut dikenakan hukuman takzir. Sekiranya pelaku tersebut telah sabit hukuman membuang bayi dengan maksud membunuh maka pelaku tersebut dikenakan hukuman qisas (iaitu hukuman bunuh). Dalam negara Malaysia hukuman yang membabitkan kes pembuangan bayi disiasat sebagai kes bunuh atau percubaan membunuh dan dibicarakan di Mahkamah Majestret.

Kes bunuh disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman gantung sampai mati, manakala kes percubaan membunuh mengikut Seksyen 307 kanun sama membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun. Sebelum ini, semua kes pembuangan bayi disiasat mengikut Seksyen 31 Akta Kanak-kanak yang boleh dihukum

denda maksimum RM20,000 atau penjara 10 tahun atau keduanya sekali jika sabit kesalahan (<http://www.perakini.net/artikel/statistik/397-statistik-pembuangan-bayi.html>). Di Mahkamah Syariah perlu diwujudkan hukuman takzir dan qisas yang setimpal dan diberi kuasa luas mengatasi kuasa yang sedia ada. Hukuman ini berdasarkan kepada Firman Allah surah al-Nisa' ayat 93:

وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا
فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا
عَظِيمًا

Maksudnya: “dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, kekal ia di dalamnya, dan Allah murka kepadanya, dan melaknatkannya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar”.

Malah perbuatan kerana pembunuhan adalah keji sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: “Tidak halal darah seorang Muslim (haram membunuhnya) kecuali disebabkan berlakunya salah satu daripada tiga perkara: kafir setelah beriman (murtad), zina setelah berkahwin, membunuh jiwa tanpa jiwa (membunuh tanpa alasan yang benar)”. Hadis riwayat Imam Ahmad, Imam tarmizi dan Imam Ibn Majah dalam bab Qatl dan Qisas (Bunuh atau Hukum Qisas). Maksud yang sama daripada hadis riwayat Imam al-Bukhari bab Pembunuhan dan Qisas no. 1828.

HUKUM PENJAGAAN ANAK PUNGUT

Setelah anak yang dijumpai itu diambil maka penyaksian perlu dibuat sebagai anak pungut. Menurut Jumhur Fuqaha daripada Maliki, Syafie dan Hanbali menyatakan bahawa hukum mengambil untuk menjaga dan memelihara anak pungut adalah fardhu kifayah Wizarah al-Auqaf, 2004:310). Antara alasannya ialah bila pengasuhan mereka jatuh kepada non-muslim, maka jalan menuju kemurtadan lebih besar dan umat Islam yang tidak menghiraukannya sudah pasti akan dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT.

Anak pungut tidak boleh dinasabkan kepada orang yang mengambil atau yang membelanya kerana tidak dapat saling mewarisi dengan orang yang memungutnya. Adapun hal berkaitan dengan pemberian kepada anak pungut adalah sama hukumnya dengan anak angkat iaitu pemberian harta boleh dilakukan secara hibah ketika masih hidup atau dengan jalan wasiat tidak melebihi satu pertiga ($1/3$) daripada harta dan diperolehi setelah penjaganya meninggal dunia. Penjaga adalah bukan mahramnya apabila tidak ada pertalian darah kecuali setelah menjadi anak susuan. Perbuatan mengasuh anak pungut akan mendapat pahala yang besar di sisi Allah SWT (Fatwa no. 17455, Fatawa al-Lajnah al-Daimah, 17/394 – 395).

PENYELESAIAN MENGIKUT PENDEKATAN DAKWAH

Aktiviti dakwah di kalangan anak muda dan remaja perlu ditingkatkan. Pelbagai pendekatan dakwah khususnya dakwah *bil-hal* merupakan strategi terbaik. Pendekatan ini kebiasaannya mengiringi bidang hiburan yang diminati tetapi tidak boleh dicampuradukkan antara yang disyariatkan dengan perkara yang diharamkan. Dalam kaedah syariat Islam, dituntut menyelesaikan masalah berasaskan punca masalah. Setiap bayi yang dilahirkan hidup mesti diselamatkan kerana dilihat tabiat kehidupan seseorang itu adalah berbeza walaupun tujuan kejadiannya sama (Muhanna, 1971:68-69). Islam menekankan kepada penyelesaian berteraskan hukum kepada si pelakunya sama ada membuang bayi, mencedera dan membunuhnya (Abdul Halim 1998:30, 63-65).

Pendekatan dakwah *bil-hal* perlu meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan pengamalan berkaitan kemuliaan dan kehinaan sama ada di dunia dan di akhirat. Cara penyelesaiannya mestilah merujuk kepada persoalan punca kes yang berlaku termasuk tanggungjawab penjagaan antaranya:

- i. Pendekatan bersumberkan manhaj basyariyyah yang ditentukan oleh pendakwah dan ulama menerusi ijtihad dalam perkara yang berkaitan sebagai mengiringi manhaj Rabbaniyyah (Ahmad Asnawi, 2000: 139).
- ii. Pendekatan terfokus kepada pembinaan akal, pancaindera dan pemurnian hati bagi menyelesaikan kehendak keseronokan atau kebebasan tanpa arah masing-masing merujuk kepada manhaj

- minda (aqli), manhaj emperikal (Hissi) dan manhaj emosi (atifi) (al-Bayanuni 1991:198). Pendekatah ini lebih menyentuh perlakuan kehidupan seharian.
- iii. Pendekatan berasaskan kepada uslub dorongan melakukan kebaikan (targhib) dan ancaman kepada perlakuan keburukan (tarhib) serta uslub janji kebaikan (al-waad) dan janji keburukan (al-waid). Penggunaan uslub ini memungkinkan orang yang didakwa itu terdorong untuk melakukan amalan-amalan baik dengan rasa penuh kecintaan dan menakutkan dengan pelbagai ancaman balasan buruk di akhirat akibat perbuatan buruk sehingga menimbulkan perasaan benci kepada keburukan (Mahmud 1990:230-232).
 - iv. Uslub tarbiyah sangat diperlukan terutama dalam maksud memberi pendidikan kerohanian, akhlak dan amalan syariat. Mesej Islam yang disampaikan secara teori hendaklah diiringi amalan secara betul semenjak kecil sebagai pendidikan sepanjang hayat (al-Khayat 1991:175).
 - v. Meningkatkan pengetahuan dan amalan pergaulan dalam kehidupan bermasyarakat. Antara perkara penting berkaitan kehidupan bermasyarakat ialah wajib menghindarkan diri dari terdedah kepada segala anasir yang membangkitkan syahwat; menjauhkan diri dari menghampiri jalan-jalan zina; menganjur dan mempermudah perkahwinan; membataskan pergaulan lelaki dan perempuan dengan adab-adabnya; mengajar adab-adab sopan; mewajibkan menutup aurat, melarang mendedahkan perhiasan diri, dan memastikan perjalanan wanita selamat dengan bertemankan mahram atau kumpulan wanita yang dipercayai.
 - vi. Kawalan media massa dan telekomunikasi menerusi penguatkuasaan oleh pihak berkuasa. Kawalan ini sangat diperlukan kerana ia sangat berkesan mempengaruhi budaya hidup golongan remaja dan anakmuda.
 - vii. Penguatkuasaan undang-undang dan penggubalan beberapa seksyen baru yang menjadi punca dan penyebab gejala tersebut serta disebarkan sebagai hukuman ngeri dan menakutkan. Ia perlu dikaitkan dengan masa depan kehidupan mereka dalam masyarakat serta peluang pekerjaan yang menyukarkan.
 - viii. Penjagaan anak pungut harus mengikut tuntutan syariat Islam dari awal pemeliharaan sehingga mendapat pendidikan seperti seorang anak sendiri. Boleh diberi keutamaan kepada orang yang

- menjumpainya dan ada penyaksian serta perakuan dari pihak Pejabat Pendaftaran.
- ix. Pembiayaan sampingan kepada anak pungut daripada pihak kerajaan selain dari tanggungan keluarga angkatnya sebagai tanda penghargaan.
 - x. Penyeliaan dan pemerhatian oleh pihak supaya tidak berlaku penderaan, penganiayaan atau sesuatu yang menjatuh maruah sebagai seorang insan.

KESIMPULAN

Biasanya barang yang dibuang adalah yang tidak diperlukan atau tidak berguna lagi. Adapun bayi adalah kurniaan dan rezeki yang mempunyai kemuliaan di masa akan datang, maka kehadiran mereka dalam kehidupan tidak boleh dimusnahkan. Adapun barang yang ditemui adalah sesuatu yang mempunyai nilai tambah yang menyumbang kepada meningkatkan kekuatan sumber manusia. Oleh itu ia hendaklah diambil. Maka begitulah terhadap anak pungut yang perlu diselamatkan demi masa depan umat Islam. Jasad dan nyawa seorang anak hendaklah dipelihara dan dibesarkan sebagai anggota masyarakat. Kehadirannya sebagai satu kebanggaan. Barangsiapa yang mengkhianati kemuliaannya hendaklah dihukum sebagaimana ketetapan hukum syarak.

Pembuangan bayi dianggap sebagai memusnahkan aset negara manakala perbuatan buruk yang membawa kepada kelahiran bayi tanpa sah adalah perbuatan jenayah yang tidak boleh dimaafkan. Anak yang dijumpai dalam keadaan terbuang hendaklah diselamatkan kerana hukum kefardhuan menuntut seseorang bertindak positif dan diberi ganjaran yang besar di sisi Allah SWT sekiranya gejala ini dapat dibendung maka sudah pasti negara akan cepat mencapai ketamadunan dan kemajuan. Oleh itu beberapa pendekatan hukum dan dakwah hendaklah digembleng dalam mengatasi masalah berkaitan pembuangan bayi dan penjagaan anak pungut. Sesungguhnya Islam telah menyediakan landasan yang lengkap dan indah untuk dihayati dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh sebab itu hukum Islam tidak boleh diabaikan dalam semua aspek terutama berkaitan menangani gejala sosial.

RUJUKAN

- Abdul Halim El-Muhammady. 1998. *Undang-undang Jenayah Dalam Islam Dan Enakmen Negeri-Negeri*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ahmad Asnawi Hj Hasan, Fariza Md Sham dan Berhanundin Abdullah. 2000. *Dakwah Islamiah*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, UKM.
- Al-Bayanuny, Muhammaad Abu al-Fath. 1991. *Al-Madkhal Ila 'Ilm al-Da'wah*. Dirasat manhajyyat Syamilah. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Berhanundin Bin Abdullah. 2010. *Punca Gejala Buang Bayi Dan Penyelesaiannya*. dalam *Kompilasi Kajian Kanak-Kanak Dan Remaja Di Malaysia* (Ketua Editor: Mohamed Fadzil Che Din). Kuala Lumpur: Institusi Sosial Malaysia (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat).
- Che Noraini Hashim. 2002. *Gejala Sosial: Punca Dan Penyelesaian Menurut Perspektif Islam*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Dewan Negara. 2010. *Naskhah Draf Dewan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur. 29 April 2010. Hlm. 1 – 48.
- Fatwa no. 17455, Fatawa al-Lajnah al-Daimah, 17/394 – 395).
- <http://www.forblogger.net/2012/07/kadar-kes-buang-bayi-semakinmeningkat.html>.
- <http://www.perakini.net/artikel/statistik/397-statistik-pembuangan-bayi.html>
- Jawatankuasa Pembangunan Sosial Terengganu. 2002. *Dasar Pembangunan Sosial Terengganu*. Kuala Terengganu: Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu.
- Al-Jaziry, 'Abd al-Rahman. 2001. *Kitab al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah*. Al-Qahirah: Muassasah al-Mukhtar.
- Al-Khayat, Khalid Ibn 'Abd al-Karim. 1991. *Al-Uslub al-Tarbawi li al-Da'wah Ila Allah fi al-'Asr al-Hadhir*. Jeddah: Dar al-Mujtama' li al-Nusyur wa al-Tauzi'.

- al-Khind, Dr Mustafa, Dr. Mustafa al-Bugha dan Dr. Ali al-Syarbaji. 1998. *al-Fiqh al-Manhaji*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Mahmud, ʿAli ʿAbd al-Halim. 1990. *Fiqh al-Daʿwah Ila Allah*. Juzu 1. Al-Mansurah: Dar al-Wafa li al-Tibaʿah wa al-Nasyr wa al-tauziʿ.
- Muhanna, Dr. Ahmad Ibrahim. 1971. *Al-Insan Fi Al-Quran al-Karim*. Al-Azhar: Matbuʿat Majmaʿ al-Buhuth al-Islamiyah.
- Utusan Malaysia, 24 Jun 2008.
- Wizarah al-Auqaf wa al-Syuʿun al-Islamiyyah. 2004. *Al-Mausuʿah al-Fiqhiyyah*. Cetakan 5, Jilid 35, Kuwait: Wizarah al-Auqaf wa al-Syuʿun al-Islamiyyah.
- Al-Zuhaily, Dr. Wahbah. 1997. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Cet 4. Dimasyq: Dar al-Fikr.